

Persepsi Golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah waljamaah di Kedah

The Shia's Perceptions on the Morals of Ahli Sunah Waljamaah in Kedah

Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah¹, Maad Ahmad², Muhammad Yosef Niteh³,
Muhammad Yusuf Marlon Abdullah⁴, Mohd Shairawi Mohd Noor⁵

Terima	Wasiat	Muat Naik e-Jurnal
4 NOVEMBER 2019	11 NOVEMBER 2019	04 DISEMBER 2019

ABSTRAK

Perkembangan Syiah semenjak Revolusi Iran pada tahun 1979 mengundang kritikan terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Seterusnya perbincangan ini memberi implikasi kepada Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Walau bagaimanapun penggunaan hak kebebasan beragama di Malaysia melatari perkembangan Syiah dalam kalangan masyarakat. Oleh yang demikian kajian ini bertujuan untuk mengenal pasti persepsi golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Kajian ini memilih Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra' di daerah Pendang sebagai lokasi kajian. Di samping itu tiga jenis teknik digunakan untuk pengumpulan data iaitu analisis dokumen, pemerhatian dan temu bual. Data yang diperolehi dianalisis secara naratif. Dapatan kajian menunjukkan Syiah berkembang pada awal tahun 1990-an serta bergerak aktif dalam kalangan masyarakat Islam di Kedah. Selain itu dapatan kajian menunjukkan golongan syiah dapat berinteraksi secara aman bersama Ahli Sunah Waljamaah. Dalam pada itu kajian mendapati perbezaan yang berlawanan antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Tambahan pula golongan Syiah mengakui perbezaan yang terdapat antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah dalam persoalan Imamah. Dengan berbuat demikian kajian ini memberi impak dalam mendedahkan maklumat mengenai perkembangan Syiah di Kedah. Begitu juga membantu intitusi agama dalam menangani penularan pengaruh Syiah di tanah air. Sementara itu memberi panduan kepada masyarakat perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah.

Kata Kunci: Persepsi, Syiah, Akhlak, Imamah, Ahli Sunah Waljamaah, Kedah.

ABSTRACT

The Shias development since the Iranian Revolution in 1979 invites criticism of the Ahli Sunah Waljamaah. Furthermore, this debate implies the Ahli Sunah Waljamaah in Malaysia. However, the use of religious freedom in Malaysia is based on the development of Shias in society. Therefore, this study is aimed at identifying the perception of the Shias on the Moral of the Ahli Sunah Waljamaah in Kedah. This study selected the Husainiyah Studies Center az-Zahra 'in Pendang district as the study site. In addition, three types of techniques are used for data collection, ie document analysis, observation and interviews. The data obtained are analyzed narratively. The findings show that Shias developed in the early 1990s and moved actively among Muslim communities in Kedah. In addition, the findings show that the Shiites

¹ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS. mfaurooz@kuis.edu.my

² Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS. maad@kuis.edu.my

³ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS. myosef@kuis.edu.my

⁴ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS. yusufmarlon@kuis.edu.my

⁵ Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor, KUIS. hawariy88@gmail.com

can interact safely with the Ahli Sunah Waljamaah. In the meantime the study found the opposite differences between beliefs, perceptions and practices among Shias. Furthermore, the Shias acknowledged the difference between the Shias and the Ahli Sunah Waljamaah in the question of Imamah. In doing so, this study has had an impact in exposing information on Shias development in Kedah. It also helps religious institutions in dealing with the spread of Shia influence in the country. Meanwhile, it provides a guide to the difference between Shia and Ahli Sunah Waljamaah.

Keywords: *Perspectives, Shiites, Morals, Imamah, Ahli Sunah Waljamaah, Kedah.*

1.0 PENGENALAN

Syiah adalah golongan pecahan dalam Islam yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah. Golongan ini memiliki pegangan tertentu yang didasari kepada penyokong Ali bin Abi Talib. Selain itu golongan Syiah diklasifikasikan kepada beberapa kelompok tersendiri yang bertentangan pendapat antara satu sama lain. Terdapat tiga golongan besar Syiah yang masih wujud sehingga kini iaitu Zaidiyah, Ismailiyah dan Imamiyah (Ahmad bin Yahya al-Murtadha 2001). Syiah Imamiyah merupakan kelompok majoriti yang diikuti dalam kalangan Syiah. Syiah Imamiyah dikenali dengan nama Syiah Itsna Asyariyah (12 Imam) atau Syiah Ja'fariyah iaitu mengikut pandangan fiqh Imam yang ke enam bagi Syiah iaitu Imam Ja'far Sadiq (Ahmad Yani 2008). Manakala terdapat juga pecahan Syiah Sabaiyah dan Kisaniyah yang merupakan golongan awal syiah yang berhenti perkembangannya (M. Quraish Shihab 2014).

Kosa kata Syiah dalam formasi majmuk bermaksud pengikut, penyokong, sekumpulan manusia yang mengungkapkannya kesepakatan tentang penerimaan dan penolakan pegangan mereka (Seyyed Hossein Nasr & Oliver Leaman 2001). Sebagaimana daripada segi bahasa Syiah beerti pengikut dan pembantu (Muhammad Hamzah 2005). Begitu juga menurut Ibn Manzur (1968) dan al-Zubaidi (1984) menjelaskan Syiah merupakan golongan yang bersatu atas sesuatu perkara. Selain itu al-Azhari (2001) mendefinisikan Syiah sebagai golongan yang menuruti sebahagian yang lain dan sama-sama sebulat suara.

Manakala pengertian Syiah daripada segi istilah adalah individu yang mengiktiraf perlantikan Ali bin Abi Talib sebagai khalifah dan *Ahlu Bait* sehingga membentuk golongan yang khusus (Ibn Athir 1963). Di samping itu terminologi Syiah menurut Ibn Khaldun (1958) dan Mohammad Ali Somali (2010) menunjukkan golongan daripada pengikut keturunan Ali bin Abi Talib. Definisi Syiah sebagai golongan yang mengikuti Ali dan percaya bahawa beliau merupakan pengganti yang terdekat dengan Nabi Muhammad SAW (al-Mufid 1993). Begitu juga menurut al-'Asha'ri (1990) membincangkan golongan ini disebut sebagai Syiah kerana menuruti Ali bin Abi Talib dan beriman bahawa beliau memiliki keunikan berbanding para sahabat yang lain. Golongan ini meyakini bahawa para imam yang diyakini mereka mempunyai keutamaan melebihi para rasul dan malaikat (AI-Khomeini 1389H).

Golongan Syiah sebagai para pengikut Ali bin Abi Talib meyakini kepada imamahnya iaitu mengiktiraf beliau sebagai Imam (al-Nawbakhti 1984). Begitu juga Al-Shahrastani (2002, 1993) dan Ibn Hazm (1996) mendefinisikan Syiah sebagai golongan yang beriman dengan *Imamah*. Golongan ini beriktikad kepada Ali bin Abi Talib sebagai pengganti dalam kepimpinan Rasulullah SAW. Golongan ini mengakui kewajipan *Imamah* daripada keturunan Rasulullah SAW berdasarkan teks Islam dan amanat secara tersurat dan tersirat (Riza Sihbudi

1993). Golongan ini bersependapat bahawa *Imamah* bukan hak umat Islam untuk menentukan Imam, sebaliknya merupakan rukun Islam (al Kulaini 2005). Perkara ini merujuk kepada Rasulullah SAW untuk menetapkan seorang Imam yang suci daripada kesalahan dan memiliki akhlak yang ideal. Demikian juga Syiah adalah aliran yang menafikan tiga khalifah al-Rasyidin yang awal dan mengangkat Ali bin Abi Talib sebagai pengganti Rasulullah SAW yang rasmi (Kamus Dewan 2007).

2.0 LATAR BELAKANG

Majoriti sejarawan khilaf untuk menetapkan asal usul kemunculan Syiah. Sebahagian berpendapat bahawa Syiah terbentuk selepas berlakunya peperangan Siffin (Rosihon Anwar dan Abdul Rozak 2003). Manakala sebahagian lain menyatakan bahawa Syiah wujud lebih awal daripada peperangan tersebut seperti ketika Nabi Muhammad SAW masih hidup dan sejak awal kemunculan Islam (Ahmad Wa'ili 2012; Sayuthi 2003), ketika Rasulullah SAW wafat (Ibnu Khaldun 1988; Ahmad Amin 1969; Hasan Ibrahim 1957). Ketika enggan membaiaat dengan kepimpinan Abu Bakar as-Siddiq (Ahmad bin Ya'qub t.th Ahmad Shubhi 1991), ketika kepemimpinan Uthman bin Affan (Hasyim Farghal 2013), ketika kekhalifahan Ali bin Abi Thalib (Naubakhti t.th; Ibn Nadim 1990) serta ketika pasca peristiwa di Karbala (Kamil Mushtafa Al-Syaiby 1886). Perselisihan pendirian dalam persoalan ini adalah bertitik tolak daripada cara pandang dan perincian idea terhadap Syiah. Begitu juga hal yang demikian berpunca daripada gerakan Syiah yang kontradiksi antara satu sama lain.

2.1 Syiah dan Kepimpinan Uthman bin Affan

Menurut Heinz Halm (1991) menjelaskan kemunculan Syiah sewaktu penabalan Uthman bin Affan sebagai khalifah keempat. Berlaku kekesalan dalam kalangan masyarakat mengenai penabalan beliau. Begitu juga terdapat konflik pada tempoh kepimpinan beliau yang panjang berbanding khalifah sebelumnya iaitu selama 12 tahun berbanding khalifah sebelumnya. Selain itu Uthman bin Affan menjalani hambatan di usia tua untuk seleksi jawatan kerajaan dalam kalangan ahli keluarganya. Pada enam tahun terakhir pentadbiran Uthman bin Affan menghadapi kemerosotan sehingga mencetuskan perbalahan yang mengundang kepada genosid beliau (Mohamad Nurhakim 2008).

Sehubungan dengan itu berlaku pemberontakan terhadap tindakan Uthman bin Affan di Kufah, Basrah dan Mesir. Begitu juga perencanaan Abdullah bin Saba' merupakan seorang yahudi yang menggelarkan diri sebagai Islam bagi mempergunakan sahabat untuk menguatkan pendapatnya. Pemberontakan yang diketuai oleh Abdullah bin Saba' bertujuan untuk mengucar kacirkan perpaduan umat Islam. Antara sahabat yang terlibat seperti Abu Dzar al-Ghifari, Ammar bin Yasir dan Abdullah bin Masud (Ahmad Syalabi 2010). Disamping itu Muawiyah bin Abi Sufyan mengkritik pengikut Ali bin Abi Talib yang berperanan dalam pemberontakan dan membantah perlantikkan khalifah keempat tersebut. Muawiyah bin Abi Sufyan menuntut supaya urusan pembunuhan Uthman bin Affan diuruskan terlebih dahulu dan berpendapat Ali bin Abi Talib mempunyai perkaitan dalam pembunuhan tersebut (Mohamad Nurhakim 2008).

2.2 Syiah dan Kepimpinan Ali bin Abi Talib

Setelah perlantikkan Ali bin Abi Talib menjadi khalifah berlangsungnya perpecahan dalam Syiah yang terdiri daripada Syiah Imamiyah, Syiah Ismailiyah dan Syiah Zaidiyah (Heinz

Halm 1991). Disamping itu Syiah menonjol sewaktu berlaku peperangan Siffin antara Ali bin Abi Talib dan Muawiyah bin Abu Sufyan yang dikenali sebagai Alawiyyin dan Umawiyin. Kegagalan rundingan antara Ali bin Abi Talib dan Muawiyah bin Abu Sufyan di Siffin menimbulkan konfrontasi ketika penentuan pemimpin dan kaedah memilih pemimpin tersebut (Qurratul Ain 2013).

Menurut Ahmad Syalabi (2010) persoalan ini melahirkan perpecahan umat Islam kepada aliran Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Begitu juga perkara ini merupakan permasalahan asas kepada beberapa kelompok lain dalam Islam. Di awal kemunculan Syiah adalah satu gerakan politik yang mendukung Ali bin Abi Talib sebagai pengganti Rasulullah SAW dalam pemerintahan umat Islam. Walaubagaimanapun kondisi tersebut dapat diamati oleh para sahabat dengan pertimbangan berkenaan kepentingan umum dan kesatuan umat Islam. Selain itu berlaku perselisihan pemikiran dalam isu khalifah tidak menjejaskan hubungan antara para sahabat. Malah para sahabat berdiskusi antara satu sama lain dan bertolak ansur demi kepentingan umat Islam.

2.3 Syiah dan Implikasi Bani Umaiyah

Menurut Mahayudin Yahaya (1984) kegagalan Majlis Tahkim pada zaman Bani Umaiyah mengukuhkan takrif Syiah sebagai pendukung Ali bin Abi Talib. Pada zaman tersebut Syiah dipimpin oleh Hujr bin Adi yang menentang dasar pemerintahan di Iraq. Begitu juga pertikaian dalam kalangan Bani Umaiyah untuk menetapkan pengganti Muawiyah bin Abu Sufyan. Oleh yang demikian Syiah mengusulkan Hassan bin Ali namun Muawiyah bin Abu Sufyan melantik Yazid bin Muawiyah sebagai khalifah. Justeru berlaku pemberontakan terhadap Yazid bin Muawiyah yang diketuai oleh Hussain bin Ali berdasarkan pemilihan yang menyalahi syarak. Mereka terbunuh di Karbala dan menanggapi kerajaan Bani Umaiyah melakukan penganiayaan terhadap keluarga Rasulullah SAW. Selepas itu Syiah membela kematian Hussain bin Ali yang diketuai oleh Sulaiman bin Surad al-Khuzai. Dengan kematian Sulaiman bin Surad al-Khuzai, Syiah mengakhiri penentangan daripada golongan al-qurra' di Kufah.

Seterusnya Syiah dipimpin oleh al-Mukhtar atau dikenali sebagai Syiah baru. Gerakan ini menuntut posisi khalifah untuk keluarga Ali bin Abi Talib dan isterinya daripada suku Hanifah. Mereka memperkenalkan konsep wazir dan Imam Mahdi. Syiah ini lumpuh lantaran kematian al-Mukhtar lalu beralih kepada Zaid bin Ali. Syiah ketika ini menyambung menuntut kelayakan keluarga Ali bin Abi Talib dan Fatimah serta menolak dengan konsep Imam Mahdi. Selain itu mereka mengusahakan petunjuk al-Quran dan Sunah dan membela kaum yang lemah. Ketika ini berlaku pertikaian antara pengikut Zaid bin Ali dengan Muhammad al-Baqir sehingga melahirkan Syiah Zaidiyah, Imamiyah dan Ismailiyah. Manakala perbalahan mereka berhenti ditangan Abdullah bin Muawiyah berhadapan dengan Bani Abbasiyah dan terbunuh lalu menghentikan Syiah pada zaman Umaiyah (Ahmad Syalabi 2010; Mahayudin 2009).

Syiah memberontak keatas Bani Umaiyah sehingga mengalahkan kerajaan tersebut (Ahmad Syalabi 2010). Walaupun gerakan Syiah berhasil membentuk kerajaan Alawiyyin, namun kerajaan Bani Abbasiyah menawan semula dan membina kerajaan selepas kejatuhan kerajaan Bani Umaiyah. Perbezaan pemikiran memperlihatkan perbalahan antara Ahli Sunah Waljamaah dan wilayah-wilayah Syiah di Baghdad. Dalam pada itu Syiah berkembang dalam kalangan pentadbiran khilafah dan menyebarkan kepada masyarakat walaupun agak sukar (Muhamad Nurhakim 2008).

2.4 Syiah dan Implikasi Bani Abbasiyah

Syiah berkembang di zaman Bani Abbasiyah apabila Abdullah bin Maimun mempelopori Syiah Ismailiyah sebagai gerakan agama dan politik dalam mendirikan kerajaan Fatimiah. Pemerintahan sulung Syiah ini bernaung di bawah kerajaan Bani Buwaih (932M) di Baghdad dan kerajaan Safawi (1501M) di Parsi. Syiah Ismailiyah bermula dengan operasi bawah tanah sehingga mendapat bantuan daripada angkatan Barbar di Afrika Utara dan berhasil mendominasi seluruh Afrika Utara. Kerajaan tersebut menempuh serangan daripada tentera Salahuddin Ayubi mengakibatkan kerajaan Fatimiah mundur lalu jatuh kepada kerajaan Ayubi (Muhammad Imarah 2008)

Oleh sebab itu kejatuhan tersebut memberi implikasi kepada kesudahan kerajaan Bani Abbasiyah. Kerajaan Bani Abbasiyah runtuh dengan kelahiran tiga kerajaan besar iaitu pemerintahan Uthmaniyah, Safawi dan Mongol. Berdasarkan kepada tiga kerajaan tersebut, pemerintahan Safawi telah menjadikan mazhab Syiah sebagai agama rasmi negara Iran. Dengan keadaan demikian huraian gerakan Syiah yang terdapat pada zaman Khulafa' al-Rasyidin, Bani Umaiyah, Bani Abbasiyah. Begitu juga pengiktirafan Syiah sebagai agama rasmi oleh kerajaan Safawi (Ahmad Syalabi 2010).

2.5 Syiah dan Implikasi di Nusantara

Susulan daripada itu Revolusi Iran pada tahun 1979 mengakibatkan pengaruh Syiah menjalar di Nusantara. Kehadiran Syiah menjadi perselisihan berkenaan proses Islamisasi di Indonesia (Umar Faruk Assegaf 2010). Kedudukan Syiah sebagai kuasa politik di kepulauan Nusantara khususnya di Perlak di awal kedatangan Islam ke Indonesia. Menurut M Yunus Jamil dan A Hasyim menyatakan sejarah dan wilayah Islam di Aceh merupakan kesan persengketaan Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah (Hasymi 1983). Begitu juga revolusi ini mempengaruhi penerbitan karya Ali Syariati, Murtada Muthahhari dan Imam Khomeini dalam bahasa Indonesia mendapat sambutan dalam kalangan para pembaca Indonesia (Sahara 2011).

Selain itu menurut Umar Faruk Assegaf (2010) berpendapat pengaruh pedagang Parsi di Ayuthia Thailand pada abad 15 hingga 17 merupakan kelahiran Syiah di Nusantara. Aktiviti Perdagangan Syiah dari Parsi di Thailand mengakibatkan interaksi antara pedagang dan masyarakat tempatan. Hal yang demikian memberi implikasi dalam sektor kewangan dan persoalan keagamaan. Sewaktu itu Syiah mempunyai pengaruh dalam kerajaan Prasat Thong. Jelaslah bahawa pengaruh perdagangan Parsi di Nusantara mengundang para pedagang Syiah.

Disamping itu menurut Jerman Werner Ende dalam Christoph Marcinkowski (2008) memfokuskan perhatian terhadap pengaruh Syiah di Asia Tenggara. Sebagaimana kedatangan Syiah sejak abad ke-20 menjadi perdebatan dalam kalangan Muslim pada peringkat pemerintahan British Malaya dan Singapura. Begitu juga Al-Sayyid Muhammad bin al-Aqil al-Hadhrami individu berketurunan Arab tempatan menyanggah Muawiyah bin Abi Sufyan dalam penerbitan di Singapura. Oleh sebab itu muncul bantahan dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Walaupun situasi di Singapura, Thailand dan Indonesia mendapati kecenderungan Syiah berbanding di Malaysia, hal ini juga bersangkut-paut dengan pelbagai aktiviti sosial yang dijalankan. Persoalan Ini memperlihatkan revolusi Iran memberi implikasi terhadap dunia Islam apabila berkembangnya Syiah di Nusantara.

2.6 Syiah di Malaysia

Dalam pada itu majoriti umat Islam di Malaysia berasaskan aliran Ahli Sunah Waljamaah. Keadaan ini menjadikan Malaysia seragam dalam pegangan akidah, amalan syariah dan akhlak berbanding dengan masyarakat Islam dirantau lain. Oleh sebab itu perkara ini memberi sumbangan kepada kestabilan politik, masyarakat dan perpaduan ummah (Abdul Shukor 1998). Begitu juga al-Attas berpendapat Kesultanan Melayu Melaka dan negeri-negeri di Semenanjung Tanah Melayu menjadi perisai Ahli Sunah Waljamaah yang bermazhab Syafie aliran Ashairah (Christoph Marcinkowski 2008). Namun Syiah di Malaysia sebenarnya berasal dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Perbezaan antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah dilihat daripada sudut akidah dan amalan. Justeru terdapat kepercayaan dan amalan mereka yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah. Perbezaan pendapat mengenai sambutan dan upacara Syiah di Malaysia turut melibatkan negara di Asia Tenggara (Qurratul Ain 2013)

Implikasi daripada Revolusi Iran pada tahun 1970 menyebabkan Syiah di Malaysia berkembang (Munif Manzur 2011). Selain itu kehadiran British bersama askar India yang merupakan pendukung Syiah daripada pelbagai aliran. Mereka mempromosikan persembahan tahunan seperti nyanyian jalanan atau dikenali sebagai Bona. Pada akhir abad ke-19, Bona di adaptasi oleh masyarakat tempatan dan diamalkan di negeri Perak dan Kedah. Ia disambut pada 10 Muharam sempena memperingati peristiwa Karbala' dan menjadi amalan di Malaysia (Mozaffari-Falarti 2004). Begitu juga pengaruh Syiah di Pulau Pinang telah diperkenalkan oleh Rejimen ke-21 Bengal yang berasal dari Madras untuk berkhidmat ke negeri tersebut pada tahun 1845 (Mahani Musa 2003).

Disamping itu pengaruh Syiah di Malaysia memperlihatkan pegangan kepada Imam Dua Belas. Hal yang demikian adalah kerana para Imam dapat mengetahui perkara zahir dan batin, mengetahui perkara ghaib serta pergerakan zarah yang berada di angkasa (Qurratul Ain 2013). Begitu juga mereka melaksanakan keraian sambutan Ashura pada 10 Muharam, sambutan kelahiran para imam, sambutan kematian para imam dan sebagainya (Kamil Zuhairi 2016). Perkara ini bertentangan dengan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan pada 5 Mei 1996 memutuskan larangan ajaran Islam yang bercanggah dengan Ahli Sunah Waljamaah. Asas pengharaman tersebut disebabkan perbezaan kepercayaan Ahli Sunah Waljamaah dengan Syiah (Muzakarah Fatwa Kebangsaan 2013).

Walaupun Syiah telah diwartakan haram oleh Majlis Fatwa Kebangsaan tetapi masih terdapat golongan Syiah menjalankan aktiviti dalam kalangan mereka sahaja. Dewasa ini memperlihatkan Husainiyah berperanan melaksanakan aktiviti masjid dan menjadi tempat meraikan hari Asyura. Husainiyah beroperasi secara tersembunyi bergantung kepada keadaan politik semasa. Pembinaan Husainiyah secara terbuka adalah mustahil kerana keadaan di Malaysia yang membataskan pembukaannya secara terang-terangan di negara ini. Begitu juga terdapat beberapa Husainiyah di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor yang beroperasi secara rahsia (Christoph Marcinkowski 2008).

Manakala pada tahun 1990 kerajaan Malaysia menyokong kempen menentang Syiah Imam Dua Belas (Faridah M.Sani 1993). Dalam kempen tersebut golongan Syiah ditahan di bawah akta ISA pada 19 November 1997. Penahanan 10 orang atas tuduhan menyebarkan ajaran Syiah telah mendapat perhatian antarabangsa. Begitu juga penahanan mereka dikecam 19 organisasi tempatan yang terdiri daripada aktivis hak asasi manusia dan parti politik (Christoph Marcinkowski 2006). Seterusnya penangkapan 6 orang Syiah Imam Dua Belas

bawah ISA pada bulan Oktober 2000 telah mendapat perhatian di laman sesawang antarabangsa Syiah (Cristoph Marcinkowski 2010). Majoriti mereka adalah generasi pelapis era 90an yang mengendalikannya beberapa huzah Syiah di utara dan selatan tanah air termasuk Sabah dan Sarawak (Qurratul Ain 2013).

Oleh yang demikian golongan Syiah di Malaysia adalah pecahan Syiah yang merangkumi 10% daripada umat Islam di dunia. Perkembangan Syiah diikuti oleh golongan berpendidikan tinggi dan berlatar belakang agama. Mereka berperanan menyebarkan Syiah di institusi pengajian tinggi dan masyarakat secara terang-terangan di negara ini (Berita Harian 2012). Hal itu disebabkan oleh mereka menggunakan kebebasan beragama di Malaysia untuk menyebarkan Syiah kepada masyarakat. Perkara ini dapat dilihat dalam penerbitan Syiah di Malaysia seperti *Meniti Titian Kebenaran*, *Inilah Khulafa' al-Rasyidin*, *Akhirnya ku Temui Kebenaran* dan lain-lain. Selain itu pada tahun 2011 Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) bersama dengan Polis Diraja Malaysia (PDRM) telah menyerbu huzah Syiah yang terletak di Gombak Selangor. Justeru isu ini menjadi perdebatan dalam Parlimen Malaysia pada 9 Mac 2011 (Anis Malik Toha 2012).

2.7 Pusat Pengajian Husainiyah Az-Zahra

Kemunculan Syiah di Kedah adalah sekitar tahun 1990-an. Identiti Syiah di Kedah menunjukkan sekelompok kecil yang dipanggil sebagai para pencinta *Ahlul Bait*. Mereka menjadikan Husainiyah sebagai tempat aktiviti seperti di Alor Setar, Jitra, Pokok Sena dan Guar Cempedak. Begitu juga terdapat pusat pengajian Husainiyah yang aktif seperti di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra' terletak di Kampung Alor Beral Mukim Tobiari, Pendang, Kedah Darul Aman. Pengasas pusat pengajian tersebut iaitu Abdullah bin Hassan membina Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra' pada tahun 1994. Abdullah bin Hassan dan ahli Pengajian Husainiyah az-Zahra' memiliki latar belakang pendidikan Iran. Setelah mendapat pendedahan Syiah di Iran mereka kembali ke Malaysia. Permulaan pusat pengajian ini dibuka sebagai sebuah markaz Parti Islam Semalaysia (PAS). Namun sebaliknya saat ini muncul sebagai pusat pengajian ini bagi mazhab Syiah.

Disamping itu Abdullah bin Hassan berpendapat kritikan kepada Syiah berniat untuk menimbulkan perpecahan dalam kalangan umat Islam di Kedah. Selain itu beliau menafikan bahawa Syiah sebagai ancaman terhadap umat Islam di negeri tersebut. Menurutnya setelah lebih 20 tahun memperkenalkan Syiah di Kedah, tiada sebarang pergolakan berlaku atau pertumpahan darah yang melibatkan golongan Syiah dan golongan Ahli Sunah Waljamaah (Sinar Harian 2011). Tambahan lagi kenyataan Syiah sebagai sesat dan pandangan negatif terhadap mereka melahirkan kritikan dalam kalangan masyarakat Islam. Begitu juga kritikan terhadap Syiah menimbulkan rasa tidak puas hati dalam kalangan pengikut fahaman tersebut (Sinar Harian 2011).

Walau bagaimanapun perkara ini menunjukkan konflik di Kedah antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah. Permasalahan ini menunjukkan penggunaan kebebasan beragama di Malaysia melatari penyebaran Syiah kepada masyarakat. Begitu juga terdapat ancaman Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Justeru kajian ini dijalankan untuk meninjau persepsi Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Kajian ini menumpukan golongan Syiah di Kedah dan dilaksanakan di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Lokasi kajian ini dipilih kerana ia aktif mengadakan pengajian Syiah berbanding pusat pengajian lain yang terdapat di negeri Kedah.

3.0 METODOLOGI

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian kualitatif dengan jenis seperti kajian analisis kandungan, kajian pensejarahan dan pemerhatian. Instrumen yang digunakan dalam kajian ini ialah soalan temu bual dengan menggunakan jenis temu bual separa berstruktur. Kesahan kandungan instrumen temu bual dilakukan dengan merujuk kepada panel akademik yang mempunyai kepakaran dalam bidang akidah di Jabatan Usuluddin dan Falsafah.

Selain itu kajian ini menjalankan kaedah persampelan *nonprobability* rantaian. Elemen di dalam sampel tidak dapat diketahui secara tetap dan lengkap. Jenis persampelan ditentukan mengikut persampelan rantaian (*chain referral*). Persampelan ini juga dikenali sebagai persampelan bola salji (*snowball sampling*). Kemudian data kajian menggabungkan semua sampel dalam populasi sasaran yang dikenal pasti. Begitu juga kajian memerhati tumpuan sampel yang mempunyai ciri-ciri yang serupa daripada subjek yang sedia ada. Kajian dilaksanakan keatas responden sehingga memperolehi data tepu bagi memenuhi objektif kajian. Persampelan jenis ini sesuai dilakukan apabila subjek kajian sulit ditemui (Ahmad Munawar & Mohd Nor Shahizan 2012)

Oleh itu keseluruhan komuniti Syiah mewakili sebagai populasi kajian. Sementara itu sebahagian daripada komuniti Syiah yang ditentukan merupakan sampel dalam kajian ini. Manakala elemen kajian di saring daripada komuniti Syiah. Maka kajian ini mendapati lima (5) sampel yang terdiri daripada seorang pemimpin Syiah yang merupakan tenaga pengajar mereka dan empat (4) orang daripada golongan pendokong Syiah. Kajian ini bertujuan meneliti pengikut Syiah dalam kalangan masyarakat di Kedah. Sampel kajian ini adalah suatu yang sulit dikenal pasti kerana masyarakat di Malaysia mengamalkan ajaran Ahli Sunah Waljamaah. Soalan temu bual responden terbahagi kepada beberapa konsep. Fokus kajian ini berdasarkan persepsi Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah.

4.0 DAPATAN

Kajian ini menggunakan kajian kualitatif bagi meninjau fenomena yang kompleks seperti individu, organisasi, hubungan dan lain-lain (Cresswell 2003; Yin 1994). Oleh sebab itu kajian ini bersesuaian dengan analisis yang membabitkan individu iaitu sebahagian daripada komuniti Syiah. Dapatan kajian daripada soalan ini dihimpunkan melalui kaedah temu bual sebagai data utama. Hal yang demikian menyebabkan pendekatan kualitatif adalah bersesuaian untuk meneliti persepsi golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Dapatan kajian diperoleh daripada temu bual bersama lima (5) sampel kerana kecenderungan mereka mewakili tenaga pengajar dan pengikut Syiah. Kajian ini mengulas persepsi golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah dalam jadual matriks perbandingan Jadual 1.0.

Jadual 1.0 Persepsi golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah

Bil.	Tema	Sub tema	Keterangan
1.	Akhlak	Perlaksanaan	Menerima akhlak Ahli Sunah Waljamaah
		Jumud	Ahli Sunah Waljamaah pemikiran tertutup dan jumud
		Keliru	Ahli Sunah Waljamaah merupakan golongan yang lalai daripada agama
		Fanatik	Ahli Sunah Waljamaah menghidupkan <i>asabiah jahiliah</i>
		Fitnah	Ahli Sunah Waljamaah menimbulkan fitnah
		Bermusuhan	Ahli Sunah Waljamaah menyeru perpecahan

Berdasarkan jadual 1.0 membicarakan persepsi golongan Syiah terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah. Persepsi Akhlak ini meliputi pembahagian Perlaksanaan, Jumud, Lalai, Asabiah Jahiliah Fitnah dan Perpecahan. Persepsi Akhlak menunjukkan golongan Syiah menerima perlaksanaan Ahli Sunah Waljamaah. Walau bagaimanapun terdapat persepsi yang menolak akhlak Ahli Sunah Waljamaah seperti Jumud, Lalai, Asabiah Jahiliah, Fitnah dan Perpecahan. Berikut adalah bukti persepsi terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah yang dilontarkan:

i. Perlaksanaan

Menerima akhlak Ahli Sunah Waljamaah

“Ahli Sunah Waljamaah mengamalkan disiplin-disiplin akhlak. Syiah menghormati amalan mereka” (R2=S12).

ii. Jumud

Ahli Sunah Waljamaah pemikiran tertutup dan jumud

“Mereka mestilah menjadikan seseorang itu meneliti hakikat segala sesuatu dengan fikiran yang kritis dan terbuka.” (R3=S12).

iii. Lalai

Ahli Sunah Waljamaah merupakan golongan yang lalai daripada agama

“Ini bertujuan untuk menyedarkan sebahagian orang yang lalai.” (R3=S12).

iv. *Asabiah Jahiliah*

Ahli Sunah Waljamaah menghidupkan *asabiah jahiliah*

“Situasi umat Islam bukan seperti yang digambarkan oleh musuh yang ingin membangunkan semula asabiyah jahiliyah.” (R3=S12).

v. Fitnah

Ahli Sunah Waljamaah menimbulkan fitnah

“Mereka menimbulkan pertikaian dan fitnah sesama mereka.” (R3=S12).

vi. Perpecahan

Ahli Sunah Waljamaah menyeru perpecahan

“Mereka yang menceraikan kesatuan umat Islam sehingga berpecah belah.” (R3=S12).

5.0 PERBINCANGAN

Kajian pemikiran Syiah memperlihatkan motif sesuatu kelompok dan masyarakat. Disamping itu analisis kajian Syiah masih umum dalam memilih model pemikiran ini. Syiah lahir daripada pemikiran tokoh terpilih dan fenomena global yang berkembang dalam sejarah Islam. Justeru analisis terhadap dapatan temu bual menghuraikan beberapa persepsi terhadap Akhlak Ahli Sunah Waljamaah di Kedah. Kajian fokus membincangkan kepada akhlak yang berlandaskan persepsi golongan Syiah. Dapatan kajian membincangkan persepsi golongan Syiah mengakui perbezaan yang terdapat antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga dapatan kajian menemukan perbezaan yang berlawanan antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Dapatan kajian membincangkan *Imamah*, Takfir, Cellaan dan *al-Taqiyyah* golongan Syiah terhadap Ahli Sunah Waljamaah.

5.1 *Imamah*

Dapatan kajian menunjukkan golongan syiah menanggapi Ahli Sunah Waljamaah sebagai pemikiran tertutup, jumud, lalai daripada agama dan menghidupkan *asabiyah jahiliyah*. Hal yang demikian disebabkan pandangan agama dalam kehidupan terbatas menurut Ahli Sunah Waljamaah sahaja. Begitu juga Ahli Sunah Waljamaah keliru dalam menolak *Imamah* sedangkan golongan Syiah mengambil pandangan daripada *Ahlul Bait*. Perkara ini menjelaskan perselisihan antara Ahli Sunah Waljamaah dan Syiah dalam persoalan *Imamah*. *Imamah* adalah subjek utama dalam membahaskan penetapan pemimpin setelah kewafatan Rasulullah SAW. Syiah berpegangan kepada *Imamah* kerana melambangkan asas agama dan unsur keimanan. Begitu juga *Imamah* diberi perhatian dalam peradaban Syiah sehingga mengatasi amalan ibadah (Riza Sihbudi 1993). Prinsip ini juga membawa kepada penolakan pemisahan antara agama dan politik. Justeru memberi implikasi kepada agama dan politik (M. Nurul Humaidi 2007). Perkara ini diamati melalui Murad W. Hofmann (2002) yang membincangkan kelebihan Syiah dalam perkara berikut:

- i. Kelayakan jawatan *Imamah* hanya dipegang oleh keturunan Rasulullah SAW
- ii. Imam Syiah diibaratkan sempurna daripada segi akhlak dan kepercayaan.
- iii. Imam memiliki pengetahuan tentang makna yang tersirat di dalam al-Quran.
- iv. Ali bin Abi Talib dikenali sebagai wali Allah .
- v. Peristiwa kematian al-Husain dibayangkan dalam bentuk tayangan drama yang megenangkan penderitaannya.

- vi. Menyanggah kekhalifahan Abu Bakar, Umar al-Khatab, Uthman bin Afan dan isteri Rasulullah SAW serta hadith yang diriwayatkan oleh mereka.
- vii. Memperakui perkahwinan kontrak di sisi undang-undang.

Persoalan fundamental seperti *Imamah* ini melahirkan kelompok yang berbeza daripada Ahli Sunah Waljamaah. Kepimpinan dalam Ahli Sunah Waljamaah digelar sebagai khilafah manakala menurut Syiah digelar sebagai *Imamah*. Kedua-dua ini adalah istilah yang sama makna iaitu merujuk kepada institusi politik yang menggantikan fungsi kenabian dalam urusan agama dan politik. Namun sejarah perkembangannya menyebabkan perbezaan dalam pendefinisian antara kedua-dua istilah tersebut (M. Nurul Humaidi 2007).

Majoriti Ahli Sunah Waljamaah bersepakat bersama Murjiah, Syiah dan Khawarij mewajibkan kepimpinan (Ibn Hazm 1999). Begitu juga Ahli Sunah Waljamaah berpegang kepada kewajipan umat Islam bagi memilih Imam yang adil sebagaimana ditentukan oleh syara' (Ahmad 2008). Justeru umat Islam perlu tunduk kepada pemimpin yang adil, menjalankan undang-undang Allah SWT dan mentadbir negara dengan syariah sepertimana yang dijelaskan oleh Rasulullah SAW (al-Asyqar 1996).

Oleh yang demikian terdapat perselisihan pandangan Ahli Sunah Waljamaah dalam persoalan *Imamah*. Ahli Sunah Waljamaah menyangkal kepimpinan berdasarkan wahyu dan ketetapan Rasul. Namun kepimpinan menurut Ahli Sunah Waljamaah diberi kepada umat Islam untuk menetapkan syarat-syarat yang telah ditentukan. Walaupun pada asasnya kepimpinan adalah persoalan keagamaan akan tetapi terdapat persoalan keduniaan. Oleh itu pemilihan imam hendaklah diberi kepada umat Islam untuk melaksanakan keputusan (M. Jafri 1989). Begitu juga kepimpinan dipastikan berdasarkan pemilihan syura dan mengadakan pembai'ahan di hadapan umat Islam (Muhammad Imarah 2008).

Selain itu bersepakat Ahli Sunah Waljamaah bahawa kepimpinan adalah sebahagian daripada politik, fiqhiyah, furu' atau disebut sebagai al-ijtihad al-fiqhi (Muhammad Imarah 2008). Begitu juga *Imamah* terkeluar dalam usul akidah dan rukun agama (al-Juwaini 1950). Disamping itu kewajipan memilih imam adalah bergantung dengan perbuatan mukallaf dan diabsahkan secara ijmak (al-Iji 1998). Seterusnya perbezaan mengenai kepimpinan dianggap sebagai dosa, pahala, manfaat dan mudharat. Ia terkeluar daripada persoalan iman dan kafir (Abu Hamid al-Ghazali t.th). Sekiranya terdapat pandangan lain yang berbeza dengan pandangan ini maka ia responsif yang lahir daripada kecenderungan terhadap ilmu kalam dan pendapat pelbagai golongan dalam Islam (Subhi 1984).

Justeru itu kajian mendapati perlantikan seorang pemimpin adalah penting untuk mengawal sesebuah masyarakat. Begitu juga perselisihan kepimpinan dibataskan kemudaratannya dalam agama. Walau bagaimanapun Syiah menolak pemilihan imam dipertanggungjawabkan kepada orang ramai, malah penentuan berdasarkan kepada penetapan akukan oleh Rasulullah SAW. Ia merupakan kewajipan agama dan prinsip Islam yang menghadkan Rasulullah SAW untuk bergantung kepada keputusan orang ramai. Konsep *Imamah* tersebut jelas bertentangan dengan pegangan Ahli Sunah Waljamaah yang meletakkan perkara ini dalam al-ijtihad al-fiqhi dan politik. Begitu juga ia terkeluar daripada aspek akidah dan rukun iman yang enam tanpa memasukkan keimanan kepada Ali bin Abi Talib dan imam-imam yang lain.

5.2 Takfir

Dapatan kajian menunjukkan golongan syiah memandang Ahli Sunah Waljamaah sebagai pemikiran tertutup, jumud, lalai daripada agama dan menghidupkan *asabiah jahiliah*. Hal ini berpunca daripada pandangan agama dan kehidupan dibatasi dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah sahaja. Selain itu Ahli Sunah Waljamaah keliru dalam menyangkal *Imamah* sedangkan golongan Syiah menggunakan pandangan *Ahlul Bait*. Oleh itu Syiah berpendapat Ahli Sunah Waljamaah telah membuat penyelewangan kerana menyangkal *Imamah* sebagai pewaris khilafah selepas wafatnya Rasulullah SAW. Begitu juga penolakan *Imamah* menimbulkan kekufuran dan terkeluar daripada Islam. Ini kerana *Imamah* merupakan rukun Islam yang pertama bagi Syiah (Mohd Aizam 2010).

Disamping itu Syiah berpandangan bahawa Ahli Sunah Waljamaah sebagai golongan sesat kerana menolak *Imamah* dan wilayah sebagai rukun Islam. Seterusnya penolakan Ahli Sunah Waljamaah terhadap dua belas imam diibaratkan seperti menolak semua Nabi (Al-Faidh al-Kasyani 1407H). sementelahan Syiah Imamiyah mempertikaikan Ahli Sunah Waljamaah dalam persoalan Tuhan, Nabi dan Imam. Ini kerana Tuhan menurut Ahli Sunah Waljamaah adalah Tuhan yang meletakkan Muhammad sebagai Nabi dan Abu Bakar sebagai khalifah Nabi. Sedangkan Syiah Imamiyah menafikan Tuhan dan Nabi yang meletakkan Abu Bakar sebagai khalifah. Begitu juga menafikan khalifah pengganti Nabi (Al-Jazairi Nikmatullah 2008).

Turut diambil kira penegasan kepada orang yang menyalahi Syiah hukumnya kafir dan terkeluar daripada kedudukan dalam Islam (Yusuf al-Bahrani 1985). Manakala Syiah menyandarkan kekufuran dan kekal dalam neraka ke atas orang yang menolak iktikad keimaman Ali bin Abi Talib dan imam daripada keturunannya, malah mengutamakan orang lain ke atas mereka (al-Baqir al-Majlisi 1403H). Tambahan juga golongan pembenci *Ahlul Bait* atau dikenali sebagai *nasibi*, penderhaka dan tidak taksib kepada Syiah adalah termasuk dalam golongan kafir di dunia dan akhirat serta kekal di dalam neraka (Abdullah Shibr 1997).

Sehubungan dengan itu Syiah memperkenalkan penyesatan dan pengkafiran keatas Ahli Sunah Waljamaah. Syiah telah mengasingkan Ahli Sunah Waljamaah daripada agama dan umat islam semenjak zaman sahabat hingga hari kiamat (Muhammad Imarah 2009). Maka menjadi kebiasaan golongan Syiah mengkafirkan Ahli Sunah Waljamaah kerana menolak *Imamah* secara terang-terangan (Mohd Aizam 2010).

Selain itu Syiah berpendapat amalan yang dilakukan Ahli Sunah Waljamaah ditolak oleh Allah SWT. Ini adalah kerana tuntutan penerimaan amalan hendaklah berasaskan kepada keimanan *Imamah* atau wilayah Ali bin Abi Talib dan keturunannya (Mohd Aizam 2010). Hal ini turut melahirkan penyangkalan Syiah terhadap syariat Islam. Begitu juga Syiah melakukan penyelewangan syariah seperti menghalalkan nikah mut'ah, liwat isteri dan kanak-kanak, arak, judi, menghalalkan makan bangkai dan sebagainya (al-Isfirayini 1983).

Lanjutan daripada itu Ahli Sunah Waljamaah menafikan Syiah sebagai kafir tetapi berpandangan Syiah mempunyai pemikiran yang tercela tentang *Imamah*. Begitu juga menafikan hukuman kafir dengan sebab pemikiran tersebut keatas Syiah (Muhammad Imarah 2008). Dalam pada itu Ahli Sunah Waljamaah daripada madrasah Salafiyah mahupun madrasah Ashairah-Maturidiyyah bersepakat bahawa Syiah adalah ajaran yang bidaah (Mohamed Fairouz 2018).

Disamping itu menurut Al-Baihaqi (1994) menukilkan riwayat daripada Harmalah bahawa beliau mendengar Imam al-Syafie berpendapat Syiah Rafidhah merupakan golongan pendusta. Begitu juga Sawwaj (2010) merumuskan bahawa Syiah Imam Dua Belas termasuk dalam kumpulan sesat dan agama yang rosak. Selain itu Al-Dahabi (1995) menyatakan Imam Malik menolak riwayat daripada Rafidhah (Syiah) kerana kepalsuan yang mereka lakukan.

5.3 Celaan

Dapatan kajian menunjukkan persepsi Syiah menolak akhlak Ahli Sunah Waljamaah seperti jumud, lalai, *asabiah jahiliah*, fitnah dan perpecahan. Dapatan ini sejajar dengan pemikiran Syiah yang memandang buruk terhadap Ahli Sunah Waljamaah. Persepsi ini timbul melalui pegangan dan kebencian yang ditanam sejak kemunculan Syiah. Perkara ini dijelaskan daripada kepercayaan ar-Raja'ah iaitu kebangkitan manusia diakhir zaman sebelum berlakunya kiamat. Ketika itu *Ahlul Bait* akan membalas dendam kepada musuhnya. Disamping itu muncul Imam Mahdi dari persembunyian menuju ke Madinah untuk menghidupkan kembali Rasulullah, Ali bin Abi Talib, Siti Fatimah serta *Ahlul Bait* yang lain (Itmam 2013).

Hal yang demikian juga selari dengan kepercayaan Syiah yang mengkritik Para Sahabat dan isteri Rasulullah SAW. Syiah mengakui kemurtadan semua sahabat Rasulullah SAW kecuali Ali bin Abi Talib dan beberapa orang sahabat. Begitu juga Abu Bakr, Umar al-Khatab, Uthman bin Afan dan Muawiyah telah murtad. Turut diambil kira Syiah mencela isteri-isteri Rasulullah SAW seperti Aishah dan Hafshah dengan mendakwa mereka melakukan kezaliman (Mohd Haidhar 2011).

Selain itu para sahabat diajukan dengan sifat munafiq berdasarkan penghujahan dalam surah al-Taubah ayat 101 (Khair Izzah 2011). Turut diambil kira kepada Abu Bakar, Umar al-Khatab dan Uthman bin Affan dijustifikasikan sebagai kafir. Begitu juga para sahabat melanggar nas al-Quran serta hadith sahih yang membuktikan Ali bin Abi Talib layak menggantikan Rasulullah SAW selepas kewafatan baginda. Disamping itu Abu Hurairah RA dianggap sebagai pembohong dan pereka hadith Rasulullah SAW di mana hanya beberapa orang sahaja mengetahui kedudukan pada zaman awal Islam (al-Musawi 1997;2002).

Tambahan pula Syiah mengkafirkan para sahabat kerana mengubah al-Quran. Mereka berpendapat al-Quran yang tulen memuatkan *Imamah* Ali bin Abi Talib tetapi telah digugurkan oleh sahabat. Maka menjadi kelaziman mereka memalsukan hadis untuk menyokong pegangan mazhabnya. Penyelewengan seperti menciptakan hadis palsu banyak dilakukan oleh Syiah (Al-Albany 2008). Penipuan sebegini juga merupakan budaya hidup Syiah (Muhamad Hapizi 2015). Begitu juga mereka menerima periwayatan hadith Rasulullah SAW dalam kalangan Syiah sahaja. Seterusnya mereka menafikan syariat dan menanti imam al-Mahdi yang akan muncul untuk mengajarkan syariat yang sebenarnya (al-Isfirayini 1983).

Selain itu Syiah memandang masyarakat Islam sebagai anak zina (al-Kulaini 1407H). Begitu juga kedudukan Ahli Sunah Waljamaah lebih hina daripada anjing di sisi Syiah (al-Majlisi 1403H). Oleh hal yang demikian Syiah berusaha untuk menimbulkan fitnah antara umat Islam (Tim Majalah as-Sunnah 2014).

Disebalik itu kemunculan syiah muncul dipengaruhi oleh Yahudi. Hal ini disebabkan mereka sangat membenci Islam sebagaimana Yahudi membenci Nasrani. Mereka masuk Islam kerana menyebarkan kerusakan, fitnah dan perpecahan dalam kalangan umat Islam.

Syiah menanamkan keraguan seperti slogan “tidak ada kekuasaan kecuali pada keluarga Nabi” sebagaimana slogan Yahudi “tidak ada kekuasaan kecuali pada keluarga Daud” (Abdurrahman Navis dkk 2012).

Begitu juga peranan Abdullah bin Saba’ sebagai tokoh Yahudi dari Yaman yang masuk Islam pada zaman pemerintahan Utsman bin Affan. Ia mengeruhkan suasana kedamaian dengan menyebarkan fitnah dalam kalangan umat Islam (Atabik 2015). Sebagaimana sedia maklum Abdullah bin Saba’ menebus dendam Yahudi terhadap Islam daripada dalam dengan cara mengagung-agungkan Ali bin Abi Talib (Abbas 1992). Seheinggakan terdapat Syiah Sabaiyah yang keyakinan bahawa Tuhan bersemayam dalam diri Ali bin Abi Talib dan diri imam (Abu Zahrah 1996).

5.4 *Al-Taqiyyah*

Dapatan kajian menunjukkan persepsi golongan Syiah menerima akhlak Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga dalam temu bual menjelaskan golongan Syiah di Malaysia bersikap berbaik dengan Ahli Sunah Waljamaah (Marcinkowski 2013). Namun berdasarkan perbincangan Imamah, takfir dan celaan diatas mendapati perbezaan yang berlawanan antara persepsi Syiah dengan Ahli Sunah Waljamaah. Hal ini berlaku kerana Syiah menyembunyikan persepsi sebenar daripada isi hati mereka. Dengan demikian perbuatan ini dikenali sebagai *al-Taqiyyah*. Persepsi ini dibuat untuk memelihara golongan Syiah daripada membahayakan diri atau harta bendanya. Pendekatan *al-Taqiyyah* ini diaplikasikan dalam kehidupan seharian untuk mengelakkan identiti dan pemikiran Syiah mereka terdedah dalam kalangan masyarakat (Mohamed Fairouz 2018).

Seterusnya *al-taqiyyah* merupakan sebahagian daripada agama dan mengingkari amalan ini mengundang pembatalan iman dalam kalangan Syiah. Hal ini demikian kerana sembilan persepuluh agama dalam Syiah berada dalam amalan *al-Taqiyyah*. Begitu juga dengan menyembunyikan pegangan Syiah akan dimuliakan Allah dan menyebarkan secara terang-terangan pegangan Syiah akan dihina oleh Allah. Bahkan Syiah menafsirkan ayat 34 surah al-Fussilat sebagai menolak kejahatan dengan cara sebaik-baik *al-Taqiyyah*. Lain daripada *al-Taqiyyah* merupakan amalan Islam yang diwariskan Syiah sebelum ini (al-Kulaini 2005).

Selain itu *al-Taqiyyah* memberi kesan dalam melindungi petunjuk ancaman Syiah di Johor dalam kalangan masyarakat Islam (Tahrir 2013). Namun sehingga saat ini jumlah bilangan sebenar penganut Syiah di negeri Johor masih belum dapat dipastikan lagi (Zakaria Stapa 2014). Sebaliknya bilangan sebenar mereka lebih ramai kerana amalan *al-Taqiyyah* dalam kalangan Syiah (Mohd Haidhar 2011). Begitu juga *al-Taqiyyah* berperanan di sebalik amalan tasawuf dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah. Sebagai contoh penyebaran Syiah melalui tokoh sufi seperti rangkaian keturunan Ahmad bin Isa al-Muhajir di rantau ini (Jalaluddin Rahmat 2000).

Dasawarsa ini Syiah membataskan pendekatan *al-Taqiyyah* dalam kalangan Ahli Sunah Waljamaah di Malaysia. Hal ini disebabkan oleh kemunculan hauzah di Malaysia yang memberikan peluang untuk mempromosikan Syiah. Selain itu penyebaran buku mengenai Syiah di pelbagai tempat dan kesempatan yang digunakan golongan Syiah dalam proses penyebaran bahan bacaan tersebut. Oleh itu fenomena Syiah di Malaysia berada dalam membimbangkan. Tindakan sewajarnya perlu dibuat untuk membendung ajaran yang bertentangan dengan Ahli Sunah Waljamaah ini (Mohamed Fairouz 2018).

6.0 KESIMPULAN

Kajian menunjukkan Syiah berkembang di Pusat Pengajian Husainiyah az-Zahra'. Tambahan pula golongan Syiah mengesahkan perbezaan yang terdapat antara Syiah dan Ahli Sunah Waljamaah. Begitu juga kajian mendapati perbezaan yang bercanggahan antara kepercayaan, persepsi dan amalan dalam kalangan Syiah. Hal ini menunjukkan perkembangan golongan Syiah terdiri daripada pelbagai tahap dalam mengamati pemikiran Syiah. Lebih-lebih lagi Syiah merupakan golongan minoriti dan mempunyai kepentingan dalam survival di Malaysia. Dalam pada itu manifestasi *Imamah* kontradiksi dengan sistem kedaulatan beraja di Malaysia. Justeru larangan institusi agama terhadap ajaran sesat atau bidaah bertujuan untuk memelihara kemaslahatan ummah yang mempunyai pelbagai latar pengetahuan agama.

RUJUKAN

- Ahmad Wa'ili. 2012. *Identitas Syiah*. Lembaga Internasional Ahlul Bait.
- Sayuthi. 2003. *Al-Durr Al-Mantsûr* Jld. 6. Markaz Hijr Lilbuhuts Wa Ad-Dirassat Al-Islamiyyah, 2003.
- Syaukani. 1414H. *Fath Al-Qadir* Jld.5. Dar Ibnu Katsir Damaskus Bairut.
- Rosihon Anwar & Abdul Rozak 2003. *Ilmu Kalam Untuk Iain*. Stain Ptais. Bandung: Pustaka Setia.
- Ibnu Khaldun. 1988. *Târîkh Ibn Khaldûn* Jld. 3. Dar-Fikr Bairut
- Ahmad Amin. 1969. *Fajr Al-Islâm*. Dar-Kitab Al-'Arabi Bairut.
- Hasan Ibrahim. 1957. *Târîkh Al-Islâm* Jld. 1. Kaherah: t.p.
- Ahmad bin Ya'qub. T.th. *Târîkh Al-Ya'qûbî* Jld. 2. Muassasah 'Ilmi Bairut Libanon.
- Ahmad Shubhi. 1991. *Nazdariyyah Al-Imâmah*. Dar-Nadhoh Al-'Arabiyyah.
- Hasyim Farghal. 2013. *'Awâmil Wa Ahdâf Nasy'ah Ilm Al-Kalâm*. Dar Al-Afaq Al-'Arabiyyah.
- Naubakhti. T.th. *Firoq Al-Syî'ah*. Mansyuraat Al-Ridha Bairut.
- Ibn Nadim. 1990. *Al-Fihrist Li Ibn Al-Nadim*. Mathba'ah Ar-Rahmaniyah Mesir.
- Kamil Mushtafa Al-Syaiby. 1886. *Al-Shilah Bayn Al-Tashawwuf Wa Al-Tasyayyu'*. Maktabah Ibnu Taimiyyah, Kuwait.
- Al-Khomeini. 1389H. *al-Hukumah al-Islamiah*, Tehran: Muktabah al-Islamiyah al-Kubra.
- al-Mufid, Muhammad bin Muhammad.1993. *al-Irshad*, cet. 2. Beirut: Dar al-Mufid.
- Ahmad bin Yahya al-Murtadha. 2001. *al-Bahr al-Zahhar*, 1/32. Darul Kutub Ilmiah, Beirut-Lebanon.
- M. Quraish Shihab. 2014. *Sunnah-Syiah Bergandengan Tangan! Mungkinkah: Kajian Atas Konsep Ajaran Dan Pemikiran*. Jakarta: Lantera Hati.
- Abbas, Sirojuddin. 1992. *I'tiqad Ahlussunnad Wal-Jama'ah*. Jakarta: Pustaka Tarbiyah.
- Abdul Shukor Husin. 1998. *Ahli Sunah Waljamaah Pemahaman Semula*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Abdullah Hassan. 2012. Gerakan Syiah di Kedah. Temu bual, 13 September.
- Abu al-Hassan al-'Asha'ri. 1990. *Maqâlât al-Islâmiyyîn wa ikhtilâf al-Musallîn*. Beirut:al-Maktabah al-'Asriyyah.
- Abu Zahrah. 1996. *Aliran Politik dan Aqidah dalam Islam*. Jakarta: Logos.
- Ahmad bin Said. 2008. *Al-Syubhat al-naqliyah li mukhalafi Ahli Sunah Waljamaah fi masalati al-imamah wa al-sahabat*. Tesis. Al-Saudi: Jamiah unimul Qura.
- Ahmad Munawar & Mohd Norshahizan Ali. 2012. *Memahami Kuantitatif & kualitatif Jabatan Penyelidikan Pengajian Islam*. Bangi: Penerbit FPI, Universiti Kebangsaan Malaysia.

- Ahmad Syalabi. 2010. *Ensiklopedia Sejarah Islam*. Jasmin Publications.
- Ahmad Yani Anshori. 2008. Ideologi Syiah: Penelusuran sejarah. *Jurnal Syir'ah* 42 (2): 361-385.
- Aizam Mas'od. 2010. *Diskusi Isu Aqidah dan Pemikiran Semasa di Malaysia*. Putrajaya: JAKIM.
- Al-Albany, Muhammad Nasiruddin. 2008. *Silsilah al Ahadis ad Dhaifah wa al Maudhu'ah*. Riyadh: Maktab al-Maarif.
- al-Azhari. 2001. *Mu'jam Tahzib al-Lughah. Jil.2*. Ter. Riyadh Zaki Qasim. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- al-Bahrani, Yusuf. 1985. *Al-Hada'iq al-Nadhirah*. Beirut: Dar al-Adhwa'.
- al-Ghazali, Abu Hamid. T.th. *Kitab al-iqtishad fi al-I'tiqad*. T.tp: Al-Matba'ah al- adabiah.
- al-Iji, Adhuddin Abdurrahman. 1998. *Syarh al-Mawaqif. Ter: Al-Jurjani, Ali bin Muhammad. Jil.4*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Al-Imam Majd al-Din Abi al-Sa'adat al-Mubarak bin Muhammad al-Jazari, Ibn al-Athir. 1963. *Al-Nihayah Fi Gharib al-Hadith Wa al-Athar*. Al-Maktabah al-Islamiyyah.
- al-Isfirayinni, Tahir bin Muhammad. 1983. *al-Tabsir fi al-Din wa Tamyiz al-Firqah al-Najiyah 'an al-Firqah al-Halikin*. Beirut: 'Alam al-Kutub.
- al-Juwayni, al-Imam al-Haramayn. 1950. *Kitab al-Irsyad*. Baghdad: Maktabah al- Khaniji.
- al-Kasyani, al-Faidh. 1407. *Minhaj al-Najah*. Beirut: al-Dar al Islamiyyah.
- al-Kulaini, Mohamad Bin Yaakob. 2005. *Usul Al-Kafi*. Beirut: Darul Murtadha.
- al-Kulaini, Muhammad bin Yaqub. 1407H. *Al-Kafi*. Tehran: Dar al-Kutub al-Islamiyyah.
- al-Majlisi, Muhammad Baqir. 1403H. *Bihar al-Anwar*. Beirut: Dar Ihya' al-Turath al'Arabi.
- al-Musawi, Shafarafudden. 2002. *Menggugat Abu Hurairah*. Jakarta: Pustaka Zahra.
- al-Musawi, Syrafuddin. 1997. *Abu Hurairah*. PeerMahomed Eb rahim Trust Karachi, Pakistan.
- Al-Quran.
- al-Shahrastani. 2002. *Al-Milal wa al-Nihal*. Beirut: al-Maktabah al-Asriyah.
- al-Zubaidi. 1984. *Tajul Arus. Jil.21*. Terj. Abdul Halim al-Thahawi. Beirut: Matba'ah Hukumah.
- Anis Malik Toha. 2012. Syiah di Malaysia. *Islamia Jurnal Pemikiran Islam Republika I* 24.
- Atabik, A. (2015). Melacak Historitas Syi'ah (Asal Usul, Perkembangan dan Aliran-Alirannya). *Fikrah*, 3(2), 325-348.
- Berita Harian*. (2012). Pengaruh fahaman Syiah makin meruncing. 15 Mac: 5.
- Berita Harian*. 2012. Pengaruh fahaman Syiah makin meruncing. 15 Mac: 5.
- Christoph Marcinkowski. 2006. Facets of Shi'ite Islam in Contemporary Southeast Asia (II): Malaysia and Singapore. *Institute of Defence and Strategic Studies, Singapore, 29 December, 4*.
- Christoph Marcinkowski. 2010. *Shi'ite Identities: Community and Culture in Changing Social Contexts (Freiburg Studies in Social Anthropology / Freiburger Sozialanthropologische Studien*. London: Trarption publishers.
- Creswell, J.W. 2003. *Research Design: Qualitative, Quantitative and Mixed Methods Approaches*. Thousand Oaks: SAGE Publications.
- Faridah M.Sani. 1993. Mungkinkah Syiah terkeluar daripada Islam? *Al-Islam* 20 no. 232 April 1993, 8-9.
- Fatwa Kebangsaan. 2013. Syiah di Malaysia. Diakses pada 19 Jan 2013, <http://www.e-fatwa.gov.my/fatwa-kebangsaan/syiah-di-malaysia/6> Februari 2013.
- Heinz Halm. 1991. *Shi'ism*. Edinburgh University Press.
- Ibn Hazm. 1996. *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nahl. Jil.2*. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.

- Ibn Hazm. 1999. *Al-Fasl fi al-Milal wa al-Ahwa wa al-Nahl*. Jil.3. Beirut: Dar al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Manzur. 1968. *Lisanul Arab*. Jil.8. Beirut: Dar al-Ma'rifah.
- Ibn Muhammad, T., Al-Isfirayini. 1983. *Al-Tabshir Fi Al-Din Wa Tamyiz Al- Firqah Al-Najiyah An Al-Firaq Al-Halikin*. Lubnan-Beirut: Alam al-Kutub.
- Itmam, M. S. 2013. Pemikiran Islam dalam Perspektif Sunni dan Syi'ah. *Jurnal Penelitian*, 7(2).
- Jalaluddin Rahmat. 2000. *Dikotomi Sunni-Syiah Tidak Relevan lagi dalam Syiah dan Politik di Indonesia*. Jakarta: al-Mizan.
- Joeherry Ghani. 2012. Gerakan Syiah di Kedah. Temu bual, 2 Ogos.
- K.H. Abdurrahman Navis dkk. 2012. *Risalah Ahlussunnah Wal Jama'ah: Dari Pembiasaan Menuju Pemahaman dan Pembelaan Akidah- Amaliah NU*. Surabaya: Khalista.
- Kamil Zuhairi bin Abd Aziz. 2016. Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah Di Malaysia. Temu bual pada 20 September. Informan merupakan Ketua Komuniti Masyarakat Awam Syiah Imamiyah (Ja'fari) Malaysia.
- Kamus Dewan: edisi keempat. 2007. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Khair Izzah. 2011. *Meniti Titian Kebenaran*. Al-Muntazar Resources.
- Khairil Anwar Mohd Amin. 2011. Shiah boleh jadi ancaman. *Sinar Harian*. 17 Februari: 5.
- Ku Noor Faizah. 2011. Ahlus-Sunnah bukan musuh Shiah. *Sinar Harian*. 10 Februari: 14.
- Ku Noor Faizah. 2011. Pengikut Shiah kesal difitnah. *Sinar Harian*. 28 Januari: 14.
- M. Jafri. 1989. *Origin and Early Development of Syiah Islam*. Terj: Meith Kiraha. Cet. 1. Jakarta: Pustaka Hidayah.
- M. Nurul Humaidi. 2007. *Kepimpinan dalam perspektif Syiah kajian atas konsep Imamah*. Malang: Fakultas Agama Islam Universitas Muhammadiyah.
- Mahani Musa. 2003. Boria Muharam: Antara kreativiti dan realiti masyarakat Melayu Pulau Pinang abad ke 19 dan abad ke 20. *Wacana Seni. Jil.2*: 19-39.
- Mahayudin Yahaya. 1984. *Sejarah Awal Perpecahan Umat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mahayudin Yahaya. 1984. *The Origins of the Khawarij*. Subang Jaya: Penerbitan Sarjana (M) Sdn. Bhd.
- Mahayudin Yahaya. 1989. *Ensiklopedia sejarah Islam*. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mahayudin Yahaya. 2009. *Sejarah politik dan sosiobudaya masyarakat Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Mansor Othman. 2012. Gerakan Syiah di Kedah. Temu bual, 1 Ogos.
- Marcinkowski, C. 2008. Aspects of Shi 'ism in Contemporary Southeast Asia. *The Muslim World*, 98(1), 36-71.
- Marcinkowski, Christoph. 2013. The Iranian Shi'i Diaspora in Malaysia. [<https://www.mei.edu/publications/iranian-shii-diaspora-malaysia>; di akses pada 19 Disember 2018].
- Maziar Mozaffari-Falarti. 2004. Critical study of theories surrounding the historic arrival of a popular Shiite festival in contemporary Malaysia. /VoszV/wg Social changes in the 21st Century, him. 1-18.
- Mohamad Nurhakim. 2008. *Jatuhnya Sebuah Tamadun*. PTS Islamika.
- Mohamed Fairouz Mohamed Fathillah. 2018. *Kefahaman Masyarakat Islam Tentang Doktrin dan Amalan Syiah di Malaysia*. Tesis PHD. Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Mohammad Ali Somali. 2010. *Shi'i Islam*. London: Islamic College for Advanced Studies Press (ICAS).
- Mohd Haidhar bin Kamarzaman. 2011. Syiah di Selangor. Tesis Sarjana Muda Pengajian Islam, UKM.

- Muhamad Hapizi bin Sulaiman. 2015. Hadis Palsu Dan Dhaif: Pengaruh dan Kesannya di Malaysia. *Jurnal Penyelidikan Islam, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM), bil (27), 30-62.*
- Muhammad Hamzah. 2005. *Nasyatu al-Firq al-Islamiyyah*. Beirut: Dai al-Qutaibah.
- Muhammad Imarah. 2008. *Al-Sunnah wa al-Syiah wahdat al-din khilaf al-siyasat al tarikh*. Maktabah al-Nafizah: t.pt.
- Muhammad Imarah. 2009. *Fitnah at-Takfir: Bayn as-Shi'ah wa al-Wahhabiyyah wa as-Shoufiyyah*. Dar as-Salam.
- Munif Manzur. 2011. Revolusi Iran cetus perkembangan Syiah. *Berita Harian*. 28 Mei: 36.
- Murad W. Hofmann. 2002. *Islam: The Alternative*. Terj: Rahmani Astuti. Bandung: Pustaka Hidayah.
- Nasrul Samsuar. 2012. Gerakan Syiah di Kedah. Temu bual. 17 September.
- Nikmatullah al-Jaza'ri. 2008. al-Anwar al-Nu'maniyah. Muassasah al-A'lamiy, Beirut-Lebanon.
- Norazman Ishak. 2012. Gerakan Syiah di Kedah. Temu bual. 28 Julai.
- Qurratul Ain binti Shuib. 2013. Perkembangan Gerakan Syiah di Kedah. Tesis Master. Fakulti Pengajian Islam. UPM.
- Riza Sihbudi. 1993. Tinjauan teoritis dan praktis atas konsep wilayah-i Faqih: Sebuah Studi Pengantar. *Ulumul Quran* 4(2), 79
- Rosenthal, F. 1958. *The Muqaddimah: An Introduction to History*. New Jersey: Princeton University Press.
- Sahara. 2011. Geliat Syiah dan perubahan paham serta perilaku keagamaan mahasiswa Muslim di Kota Makassar. *Jurnal al-Qalam*. 17(1): 50-58.
- Seyyed Hossein Nasr & Oliver Leaman. 2001. *Histojoy of Islamic Philosophy*. London: New York.
- Shibr, Abdullah. 1997. *Haqq al-Yaqin fi Ma'rifah Usul al-Din*. Beirut: Mu'assasah alA'lami.
- Sinar Harian*. 2011. 10 Februari: 14
- Sinar Harian*. 2011. 28 Januari: 14
- Subhi al-Saleh. 1984. *Politik dan Pentadbiran di dalam Islam*. Terj. Osman Hj. Khalid. Kuala Lumpur: Persatuan Kebangsaan Pelajar-pelajar Islam Malaysia (PKPIM).
- Tim Majalah as-Sunnah. 2014. Lima Belas Ciri Orang Syiah. [https://d1.islamhouse.com/data/id/ih_articles/single3/id_Lima_Belas_Ciri_Syiah_di_Indonesia.pdf, di akses pada 20 Disember 2018]
- Umar Faruk Assegaf. 2010. Mazhab Ahl al-Bait in Nusantara: The Past and Present. *Jurnal al-Qurba* 1(1): 58-81.
- Zakaria Stapa. 2014. Laporan Akhir Penyelidikan Ancaman Aliran Bukan Ahli Sunah terhadap Perpaduan Umat Islam di Malaysia. Bangi: Universiti Kebangsaan Malaysia.